

MALAYSIA

# Transformasi UPM: Peneraju Pertanian Tropika

AHAD

9 06 05 2009

**BIDANG** pertanian dan Universiti Putra Malaysia (UPM) begitu sinonim. Universiti ini bukan sahaja menjadi legasi dalam pengajian pertanian malah melahirkan modal insan berkualiti dalam memartabatkan sektor pertanian negara.

Komitmen UPM dalam bidang pertanian terbukti meliputi kurikulum pengajian hinggalah kepada memperkayakan ilmu yang dijana menerusi tujuh daripada 16 fakulti yang mempunyai disiplin pertanian dan bioteknologi.

Memandangkan pendekatan pertanian mengalami evolusi begitu ketara, UPM perlu berusaha meningkatkan imej dan reputasinya sebagai universiti yang mempunyai sumber kepakaran dan kekuatan dalam ilmu pertanian.

UPM merupakan satu-satunya universiti penyelidikan di negara ini yang mempunyai program pengajian bidang pertanian seperti Diploma Pertanian, Diploma Perhutanan, Diploma Perikanan, Diploma Kesihatan Haiwan dan Penternakan, Diploma Pengurusan Perladangan Makanan, Bachelor Sains Pertanian, Bachelor Sains Hortikultur, Bachelor Sains (Perniagaan Tani), Bachelor Pertanian (Akuakultur), Bachelor Pertanian (Penternakan), Bachelor Sains Perhutanan, Bachelor Sains dan Teknologi Perakuran dan Doktor Perubatan Veterinar.

Bagi program pascasiswazah UPM, lebih daripada 36 peratus program dikendalikan berkaitan dengan bidang pertanian.

Selari dengan pelan transformasi yang dibentuk untuk memperkukuhkan matlamat UPM dalam bidang pengajian dan penyelidikan pertanian, UPM beriltizam menjadi Peneraju Dunia Dalam Pertanian Tropika Baru.

Hasrat ini selari dengan cadangan perubahan yang akan dilaksanakan oleh UPM terhadap pembangunan pertanian dan berharap ia

akan menjadi kenyataan pada 2015.

Anjakan paradigma terhadap aktiviti penyelidikan, perkhidmatan profesional dan pengembangan pertanian merupakan intipati yang terkandung di dalam Pertanian Tropika Baru. Ia merujuk kepada usaha-usaha UPM terhadap bidang pertanian yang mempunyai nilai tambah tinggi.

Usaha yang dijana oleh UPM adalah berteepatan dengan perkembangan yang berlaku di peringkat global, khususnya isu-isu berkaitan perubahan cuaca dunia yang membawa kesan pemanasan global, kemusnahan sumber alam dan keselamatan makanan.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut, UPM akan terus menggunakan sumber kepakaran sedia ada untuk meneroka lebih banyak kajian dalam sektor pertanian terutamanya bagi menghasilkan penemuan inovasi dan teknologi baru untuk meningkatkan hasil pertanian makanan negara.

UPM mendefinisikan Pertanian Tropika Baru sebagai pengeluaran dan pengurusan biosumber tropika melibatkan teknologi saintifik dan kaedah ekonomi tanpa menyebabkan kerosakan biodiversiti, ekosistem, kesihatan dan kebajikan manusia.

Dengan kata lain, bidang pertanian yang dibangunkan bukan lagi berada ditakuk lama, tetapi pertanian berasaskan inovasi dan berupaya memberi dampak besar kepada sektor ekonomi negara.


Bidang pertanian yang sedang diterokai oleh UPM juga adalah hasil kesepaduan pelbagai disiplin yang dijana untuk memenuhi keperluan dan rangkaian dalam aktiviti pertanian iaitu penanaman, pembungkusan, pemrosesan, pemasaran dan sebagainya.

Pertanian Baru ialah simbol Pertanian Adalah Perniagaan dengan merujuk usaha pembangunan penyelidikan dalam bidang pertanian yang diperluaskan melalui komponen agro-bioteknologi dan nanoteknologi.

UPM menggariskan empat elemen penting yang terkandung di dalam pelan transformasinya sebagai Peneraju Dunia Dalam Pertanian Tropika Baru. Ia memberi penekanan utama kepada 'Baru' dan elemen tersebut ialah pertanian yang menjana perniagaan (business driven), berte-raskan teknologi (technology oriented), mesra alam sekitar (environmental friendly) dan pembangunan kelestarian (sustainable development).

UPM mempunyai keyakinan tinggi bahawa dengan keupayaannya melaksanakan program penyelidikan merentasi pelbagai disiplin dapat menghasilkan output penyelidikan

**PENYELIDIKAN** sains dalam bidang p  
meningkatkan hasil pengeluaran.





pertanian berimpak tinggi.

Enam bidang tujuan penyelidikan yang sedang dilaksanakan oleh UPM pada masa ini ialah pertanian, makanan, perhutanan dan alam sekitar, kesihatan, sains sosial dan sains, kejuruteraan dan teknologi.

Berdasarkan kekuatan penyelidikan, UPM sedang memberi fokus penting kepada lapan bidang utama penyelidikannya iaitu pengeluaran tanaman makanan, tanaman perladangan, pengeluaran penternakan dan akuakultur, bio-kesihatan, pengeluaran produk bio nilai tambah, tenaga boleh baharu alternatif, produk dan perkhidmatan perhutanan dan produk halal.

Sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi, UPM bukan sahaja bertanggungjawab mengeluarkan graduan yang terlatih dalam bidang sains pertanian, malah berusaha meneroka pelbagai penemuan baru dalam bidang pertanian.

Melalui kepakaran ahli akademik yang berpengalaman luas, UPM telah menghasilkan produk penyelidikan pertanian berkualiti tinggi bermula daripada pengalag pertumbuhan tanaman, vaksin hinggalah kepada kit pengesanan virus.

Justeru, usaha yang sedang dijalankan oleh UPM melalui pelan transformasi yang holistik untuk meningkatkan kegemilangan pertanian sudah pasti akan memberikan sumbangan lebih signifikan kepada masyarakat.



Antara produk keluaran UPM

- 1 **ZAPPA**
- 2 **TrichoGreen**
- 3 **Fowl Pox Vaccine**
- 4 **Newcastle Disease Vaccine**
- 5 **MyVAC UPM93 IBD Vaccine**
- 6 **KUSTEMVax Mannheimiosis Vaccine**
- 7 **Vita-Grow**
- 8 **StellarLac**
- 9 **BACTERIOCIN UL4**
- 10 **Fast Targeto White Spot Syndrome Virus Detection Kit**
- 11 **STONE MASTIC Asphalt with Cellulose Oil Palm Fiber**
- 12 **Microwave Reflection Type Latexometer**
- 13 **Fiber Duplexer Module (FDM)**

ertanian amat penting